

Mahu Kist seperti Oxfo

BH 14.1.2008 M/S 21

Muhamad Zamly mahu didik anak bangsa menim

NADI BIZ

Oleh Khairul Anuar Abdul Samad

KETIKA hendak menubuhkan Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST) di Kelantan kira-kira 13 tahun lalu, Presidennya, Muhamad Zamly Abdullah pernah dipandang "sinis" beberapa pihak.

Malah, beberapa institusi kewangan turut menolak permohonannya untuk mendapatkan pinjaman kewangan.

Muhamad Zamly berkata, ketika hendak menubuhkan KIST, beliau bertemu dengan semua pengendali kolej swasta di Kelantan dan menyatakan hasratnya menubuhkan sebuah kolej.

"Boleh dikatakan semua memandang sinis hasrat murni itu, malah tidak memberi bantuan sepenuhnya ke arah menjayakan wawasan melahirkan modal insan, khususnya Bumiputera," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Bachok, Kelantan, baru-baru ini.

Apa lebih mengecewakan ketika itu, kata Muhamad Zamly, bank juga langsung tidak berminat memberi kemudahan pinjaman kepada usahawan Bumiputera sepertinya.

Bagaimanapun, dengan tekad yang tinggi serta bantuan keluarga dan rakan, beliau mengambil alih sebuah kolej swasta di negeri ini dan menubuhkan Kist.

Ketika itu juga, ramai tidak percaya terhadap keupayaan Muhamad Zamly mengendalikan sebuah kolej perubatan kerana tidak mempunyai pendidikan dan pengalaman dalam bidang berkenaan.

"Sebenarnya, saya sudah membuat kajian mengenai program pendidikan perubatan itu dan mendapati prospek masa depannya begitu luas.

"Walaupun tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang perubatan, saya mempunyai penasihat yang berpengalaman dalam bidang perubatan dan menyakinkan saya bahawa Kist akan berjaya.

"Lihat Ketua Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Tony Fernandes. Beliau bukannya berpengalaman atau berkelulusan dalam penerbangan, tetapi berjaya membina sebuah empayar penerbangan terkemuka di



JADI KEBANGGAAN: Bangunan kuliah dan makmal Kist.

rantau ini," katanya.

Dengan matlamat membantu anak bangsa khususnya dalam bidang perubatan, Kist kini boleh bangga kerana mempunyai kira-kira 2,000 pelajar berbanding tujuh orang ketika ditubuhkan.


Muhamad Zamly menambah, dengan kemasukan pelajar baru tahun ini, jumlahnya dijangka meningkat kepada 3,500 orang dan akan terus meningkat apabila lebih banyak program baru diperkenalkan nanti.

Kist mensasarkan akan memperkenalkan tujuh program lagi yang hanya menunggu kelulusan Kementerian Pengajian Tinggi, menjadikan semua 14 program ditawarkan.

Dengan penambahan program itu nanti, Kist mensasarkan akan mempunyai lebih 10,000 pelajar merangkumi Bumiputera dan pelajar antarabangsa.

Kist kini menawarkan tujuh





IKUTI PELAJARAN: Siswa sedang mengikuti kuliah.



SELESA: Bilik perpustakaan yang cukup l

ord, Cambridge

mba ilmu dalam bidang perubatan



FAKTA

Kolej Islam Sains dan Teknologi (KIST)

- Beroperasi sejak 13 tahun lalu bermula di Tanjung Mas, Pengkalan Chepa.
- Ogos 2005 - pindah ke Kampus Ibnu Sina seluas 7 hektar di Telong, Bachok, mampuampung 1,400 pelajar
- 2008 Kampus kedua dibuka di Kuala Berang, Terengganu seluas 40 hektar - tampung lebih 2,000 pelajar
- IPTS pertama dan Bumiputera di negara ini tawar kursus Pembantu Perubatan untuk lelaki dan wanita.
- IPTS pertama di Pantai Timur tawar Diploma Kejururawatan dan Diploma Diagnostik in Radiography.
- IPTS pertama di Asia Tenggara tawarkan Diploma Kesihatan dan Kecergasan
- Kampus induknya ada 35 dewan kuliah, Wad Simulasi 50 katil, bilik x-ray RM1.4 juta dan makmal keterampilan.

ZAMAN HURI USA | BERITA HARIAN

“Walaupun tidak mempunyai kelulusan dan pengalaman dalam bidang perubatan, saya mempunyai penasihat yang berpengalaman dalam bidang perubatan dan menyakinkan saya bahawa Kist akan berjaya”

Muhamad Zamly Abdullah
Presiden Kist

bidang pengajian peringkat diploma iaitu pembantu perubatan (MA), kejururawatan, radiography, kesihatan dan kecergasan psikologi, syariah dan sains komputer.

Ia juga adalah institut pengajian tinggi swasta (IPTS) dan menjadi kolej swasta pertama di negara ini menawarkan kursus MA untuk lelaki dan wanita.

Kist juga IPTS pertama di Pantai Timur yang menawarkan program Diploma Kejururawatan dan program Diploma Diagnostik In Radiography.

Malah, Kist dikatakan IPTS pertama di negara ini yang mampu menyediakan kemudahan latihan x-ray dan radioterapi canggih bernilai kira-kira RM1.4 juta.

Muhamad Zamly berkata, penubuhan Kist lebih kepada membantu membangunkan modal insan terutama Bumiputera yang dilihatnya banyak ketinggalan, khususnya dalam sektor perubatan.

Katanya, Kist lebih mementingkan

kepada mendidik anak bangsa dengan menyediakan kemudahan mereka untuk menimba ilmu tanpa menumpukan kepada keuntungan.

“Kebanyakan pelajar di Kist mendapat bantuan daripada kolej ini untuk meneruskan pengajian mereka dalam bidang perubatan dan kita bersedia memberi kemudahan kepada pelajar memasuki kolej ini,” katanya.

Muhamad Zamly berkata, kini Kist mempunyai dua cawangan iaitu di Telong, Bachok yang menjadi kampus induk dan Kuala Berang, Terengganu, baru dibuka tahun ini.

Beliau berkata, kejayaan Kist selama ini adalah hasil kerja secara berkumpulan dan boleh dikatakan kolej itu diuruskan oleh ahli keluarganya dan sanak saudara.

“Jika Tony boleh berjaya dengan AirAsia, saya ingin menjadikan Kist seperti Universiti Cambridge dan Oxford, yang masih lagi gagah sehingga hari ini,” katanya.



uas serta terkini bagi pelajar mentelaah.



KEMUDAHAN: Kedai serba nika dengan pelbagai keperluan pelajar disediakan.